

Langkah-langkah Menggalakkan Kemasukan Pelancong Asing ke Malaysia

Oleh : Zack Kirana Ibrahim

Malaysia sebuah negara istimewa yang mempunyai pelbagai daya tarikan sama ada secara budaya ataupun kekayaan buminya. Beberapa tahun kebelakangan ini, jumlah kemasukan pelancong asing semakin menurun. Hal ini sudah terang lagi bersuluh tidak wajar dibiarkan kerana sektor pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Negeri seperti Melaka dan Selangor jelas menjadi kawasan tumpuan pelancong untuk makan angin di sini. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang wajar diambil bagi menggalakkan kemasukan pelancong asing ke Malaysia?

Kerajaan sebagai tulang belakang negara haruslah memainkan peranan besar dalam hal ini. Kempen-kempen yang ada selama ini tamsilnya Cuti-cuti Malaysia dan Tahun Melawat Malaysia harus dimantapkan semula. Hal ini termasuklah dari segi jelajah ke program pelancongan di luar negara untuk mempromosikan Malaysia di mata dunia dengan menampilkan makanan dan tarian tradisional serta hasil kraf kita. Dengan adanya usaha ini, sudah tentu masyarakat antarabangsa akan membuka mata dan terdetik untuk merasai sendiri pengalaman bercuti di negara khatulistiwa ini. Jelaslah bahawa, peranan kerajaan mampu memberi impak besar dalam menarik kemasukan pelancong asing.

Tidak cukup dengan itu, agensi-agensi pelancongan juga sewajarnya ikut serta dalam bertindak. Kita sedar bahawa agensi-agensi pelancongan banyak membantu para pelancong dalam menyampaikan maklumat serta menguruskan keperluan pelancongan baik dari segi perjalanan mahupun penginapan mereka di sini. Antara kriteria agensi pelancongan yang sentiasa dicari-cari oleh pelancong ialah agensi yang berpengetahuan dan cekap dalam melakukan tugas. Oleh itu, agensi-agensi pelancongan perlu mempersiapkan diri mereka sebaik mungkin. Mereka perlu menguasai teknik berkomunikasi dengan baik dan bekerjasama erat dengan pihak pengurusan pelancongan seperti resort-resort dan hotel-hotel tempatan. Pihak agensi juga digalakkan untuk menawarkan pelbagai pakej menarik. Hal ini sekali gus memberikan banyak pilihan kepada pelancong. Tidak dapat dinafikan bahawa agensi-agensi pelancongan perlu meningkatkan kualiti mereka demi meningkatkan jumlah pelancong asing.

Bukan itu sahaja, pihak pengurusan kawasan pelancongan juga perlu menyumbang usaha dalam meningkatkan jumlah pelancong asing. Jika kita lihat, pelancong asing kebiasaannya akan bercuti dalam tempoh sekurang-kurangnya beberapa hari. Oleh itu, pemilik kawasan pelancongan seperti resort dan hotel haruslah menitikberatkan soal kemudahan di kawasan penginapan tersebut tamsilnya bilik tidur dan aktiviti-aktiviti yang ditawarkan. Bilik penginapan dan kawasan sekitar sewajarnya sentiasa dijaga kebersihannya. Peralatan untuk melakukan pelbagai aktiviti juga haruslah diperiksa baik dari masa ke masa supaya keselamatan pelancong terjamin seperti kayak, bot dan peralatan untuk merentas hutan. Ternyata bahawa dengan adanya peranan pihak kawasan pelancongan, kemasukan pelancong asing mampu ditingkatkan.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa terdapat banyak langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong masuk ke Malaysia. Oleh itu, kerajaan haruslah memperkasakan pelbagai program menarik secara menyeluruh yang melibatkan banyak pihak bagi merealisasikan misi murni ini. Hal ini penting supaya Malaysia sentiasa menjadi nama yang meniti di bibir-bibir masyarakat dunia yang gemar melancong. Usaha ini perlulah serius persis lidah pendeta, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Contoh Format Rencana

TAJUK RENCANA

Alam Gemilang, Hidup Cemerlang

Oleh: *Nadia Idari Sufaat*

PENULIS RENCANA

Alam gemilang boleh ditakrifkan sebagai alam yang bersih, bebas daripada pelbagai pencemaran dan alam yang sempurna serta sesuai dijadikan kediaman. Hidup cemerlang pula, didefinisikan sebagai hidup yang sihat, bersih dari segi fizikal dan mental, akhlak dan rohani, serta cemerlang dari segi intelek.

Apabila kita mula membicarakan isu alam, apa yang terlintas di hati dan minda kita ialah.....

Persoalannya, apakah yang menyebabkan mereka ini begitu untuk menerima hakikat bahawa alam itu.....

Marilah kita lihat akan kesan secara keseluruhan kegiatan manusia terhadap keseimbangan ekosistem. Statistik terbaru menganggarkan.....

Apa yang tergambar tadi hanyalah scenario yang berlaku dikawasan daratan. Bagaimana pula keadaan pencemaran di kawasan.....

Negara kita semakin hari semakin maju. Pihak kerajaan telah bersungguh-sungguh mengendalikan pelbagai jenis.....

Kini isu jerebu pula sedang hangat dibicarakan. Semua pihak menuding jari mencari kesalahan pihak yang menyebabkan berlakunya.....

Akhir kata, sayugia dingatkan bahawa alam sekitar semangnya penting kepada manusia dan sangat berharga. Jika manusia tidak mempunyai kesedaran, maka.....

P
E
N
D
A
H
A
L
U
A
N

I
S
I
-
I
S
I
P
E
N
T
I
N
G

PENUTUP